

SURAT PEKELILING DALAMAN
PUSTAKA/100-1/1/2 /JLD.1(042)

Kepada : Semua Staf Pustaka Negeri Sarawak

Perkara : **Melapor Diri Bertugas Selepas Tamat Cuti Bersalin Sebelum Memohon Cuti Rehat tahunan**

Tarikh : 11 Mac 2026

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Dalaman ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Ketua-Ketua Sektor Bil. 01/2026 yang telah diadakan pada 21 Januari 2026, untuk mewujudkan polisi baharu bagi memastikan pengurusan cuti dilaksanakan selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik. Polisi ini memberi **ketetapan** khusus kepada pegawai yang telah menamatkan tempoh cuti bersalin sebelum memohon cuti rehat tahunan.

2.0 PELAKSANAAN

2.1 Melapor Diri Bertugas

Pegawai yang telah tamat tempoh **cuti bersalin** hendaklah **melapor diri bertugas** di penempatan masing-masing pada **hari bekerja pertama selepas tamat cuti bersalin**.

2.2 Pengesahan Ketua Bahagian / Penyelia

Melapor diri bertugas melalui Sistem ESOLUSIS hendaklah dilakukan untuk makluman **Ketua Bahagian atau Penyelia** masing-masing.

2.3 Cuti Rehat Tahunan


Sebarang permohonan untuk cuti rehat tahunan selepas cuti bersalin — **hanya boleh dilakukan selepas pegawai melapor diri secara rasmi dan dikemaskini dalam Sistem ESOLUSIS** serta mengikut tatacara permohonan cuti rehat tahunan yang sedia ada.

2.4 Pematuhan Pekeliling

Semua staf Pustaka Negeri Sarawak hendaklah **mematuhi ketetapan ini** bagi menjamin pengurusan cuti dan rekod perkhidmatan yang tepat dan kemaskini.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Polisi ini **berkuatkuasa SERTA MERTA** dan terpakai kepada semua pegawai dan staf Pustaka Negeri Sarawak.



Haji Japri Bin Haji Bujang Masli
Ketua Pegawai Eksekutif